KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG			

Jarak kediaman Taman Bukit Permai 1 dengan lokasi runtuhan kini kurang empat meter

Penghuni 15 rumah diarah berpindah



PETUGAS Jabatan Kerja Raya (JKR) meninjau lokasi runtuhan tanah yang menghampiri kediaman penduduk di Taman Bukit Permai 1, Ampang semalam. – AMIR KHALID

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

AMPANG JAYA – Penghuni 15 buah rumah di Taman Bukit Permai 1, di sini dinasihatkan untuk mengosongkan kediaman dan berpindah sementara selepas kejadian gelongsoran tanah baharu dikesan berhampiran kediaman itu kelmarin.

Dalam kejadian runtuhan pertama di Taman Bukit Permai 2 pada Khamis lalu, jarak kediaman tersebut dengan lokasi runtuhan adalah lima hingga tujuh meter.

Namun, berlaku gelongsoran baharu kelmarin dan semakin mendekati kawasan rumah sebanyak empat meter.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, kejadian gelongsoran tanah yang agak besar itu dikesan berlaku pada pukul 7 malam kelmarin.

"Kejadian berlaku di lokasi sama kejadian tanah runtuh Khamis lalu, namun tidak membabitkan sebarang kemalangan atau kemusnahan harta benda.

"Gelongsoran terbaharu ini dikhuatiri memberi kesan kepada satu deretan kediaman di Taman Bukit Permai 1 yang terletak di atas bukit dan berada hampir dengan lokasi runtuhan tanah.

"Kajian Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mendapati kedudukan tanah tidak stabil dan boleh menjejaskan keselamatan penduduk berhampiran," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Katanya, setakat semalam belum ada arahan baharu dikeluarkan kepada penghuni rumah lain.

Kosmo! Sabtu lalu melaporkan, empat mangsa maut, seorang cedera ringan selain 15 rumah serta 10 kenderaan terjejas akibat kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang.



KERATAN *Kosmo!* 12 Mac 2022.